



## **Kenyataan Media**

### **GANGGUAN TELEKOMUNIKASI DI KUALA KANGSAR AKIBAT KEBAKARAN MENARA**

**KUALA KANGSAR, 28 Disember 2025** – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin memaklumkan satu kejadian kebakaran telah berlaku melibatkan sebuah menara komunikasi milik Maxis menempatkan peralatan stesen pemancar CelcomDigi dan Maxis di Kampung Kelebor, Kuala Kangsar, Perak, pada 27 Disember 2025 sekitar jam 6:50 petang.

Akibat daripada kejadian kebakaran tersebut, liputan perkhidmatan telekomunikasi khususnya bagi pengguna CelcomDigi, Maxis dan UMobile telah terjejas, terutamanya di kawasan sekitar menara termasuk Kampung Kelebor, Kampung Langkap Ketior, Kampung Rambai 7, Kampung Menora, Kampung Senggang, Kampung Ulu Kenas dan Kampung Lempor. Liputan perkhidmatan di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Sungai Perak, Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) yang berdekatan dengan lokasi kejadian turut terkesan.

Punca kebakaran menara berkenaan masih dalam siasatan. Akses ke lokasi kejadian telah ditutup oleh pihak berkuasa bagi membolehkan pihak yang berkenaan termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menjalankan siasatan lanjut.

Dalam masa yang sama, MCMC telah mengarahkan penyedia perkhidmatan berkaitan untuk melaksanakan tindakan pembetulan serta-merta, termasuk penyediaan pelan pemulihan menyeluruh bagi menangani gangguan liputan yang berlaku.

Sebagai langkah kecemasan, MCMC telah melaksanakan penyelesaian sementara dengan mengaktifkan kemudahan WiFi satelit Starlink di R&R Sungai Perak (Arah Utara), Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) bagi memastikan pengguna lebuhraya kekal mempunyai akses komunikasi.

Selain itu, MCMC telah mengarahkan pemilik menara dan penyedia perkhidmatan untuk memperketatkan penyelenggaraan, pemeriksaan teknikal dan pemantauan berterusan di semua menara, selaras dengan keperluan kebolehpercayaan rangkaian dan keselamatan pengguna.

## **LAMPIRAN**



***Menara telekomunikasi terbakar di lokasi Kampung Kelebor, Kuala Kangsar, Perak.***

## **KOMUNIKASI KORPORAT MCMC**

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission**  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: corporate.communications@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

